



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

KAYA DUNIA BAHAGIA AKHIRAT

Tarikh Dibaca :

**22 ZULHIJJAH 1440H/
23 OGOS 2019M**

Disediakan oleh :

**Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
dengan kerjasama
Pejabat Timbalan Menteri Kewangan**



KAYA DUNIA BAHAGIA AKHIRAT

23 Ogos 2019M / 22 Zulhijjah 1440H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَمًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا

مَعْرُوفًا

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua dibangkitkan dalam kalangan orang-orang yang mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

Mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Kaya Dunia Bahagia Akhirat”**.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,



Wang dan harta merupakan keperluan asas bagi manusia meneruskan kehidupan. Islam mempunyai rukun agama dan rukun kehidupan. Rukun agama terbina dari rukun Islam dan rukun Iman. Manakala rukun kehidupan terbina atas beberapa perkara seperti kehartaan atau kekayaan, keilmuan, ketamadunan dan seumpamanya. Malah, tanpa tertegaknya rukun kehidupan, kehidupan agama akan tejejas dan paling kurang mundur dan tidak dihormati.

Tanpa harta, nescaya kita tidak akan mampu memiliki keperluan-keperluan asas kehidupan yang lain seperti makan minum, tempat tinggal, pakaian dan pendidikan. Ibarat sebuah kenderaan yang bergerak dengan adanya bahan bakar, begitulah juga kehidupan manusia yang digerakkan dengan adanya wang dan harta sebagai bahan bakar. Islam mengiktiraf harta sebagai asas kehidupan manusia. Ini dapat kita fahami melalui firman Allah SWT di dalam Surah An-Nisa' ayat 5 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akal nya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.”

Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa harta atau kekayaan adalah asas kepada kehidupan keseluruhannya sama ada aspek agama atau pembangunan dunia. Lebih daripada itu, penjagaan dan pengurusan harta ataupun hifz al-mal ialah salah satu daripada 5 teras keperluan utama yang menjadi tujuan penurunan syariat Islam atau maqasid al-syariah. Maqasid al-syariah ialah asas dan polisi utama kehidupan beragama. Penjagaan harta



di sini meliputi penjanaan kekayaan, pemindahan dan pengagihan. Aspek yang terpenting antara 3 komponen ini ialah penjanaan kekayaan. Ini kerana sekiranya harta dan kekayaan yang dimiliki oleh umat Islam tidak mencukupi, tentulah kita tidak mampu mengagihkannya dalam masyarakat kerana hakikatnya kita sendiri masih kekurangan harta.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Sebagai seorang muslim yang melihat dunia melalui kaca mata ibadah dan ketaatan kepada Allah, harta dan kekayaan yang dimiliki perlulah juga ditanggapi melalui kaca mata yang sama. Segala yang dimiliki itu akan menjadi wasilah mendapatkan keredaan Allah dan menjadi bekalan untuknya di akhirat.

Harta menurut kaca mata Islam ibarat sebilah pedang yang mempunyai dua sisi, baik buruk kesannya bergantung kepada bagaimana manusia menggunakannya. Allah SWT berfirman berkenaan harta sebagaimana di dalam surah al-'Aadiyaat ayat 8 :

وَإِنَّهُ لِحُبِّ الْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾

Bermaksud : *“Dan sesungguhnya dia (manusia) melampau sangat sayangkan harta (secara tamak haloba).”*

Harta dirujuk sebagai “al-Khair” yang membawa maksud kebaikan, sebagaimana pendapat ahli tafsir seperti Imam Ibnu Hajar. Hal ini kerana Islam sebagai agama yang selari dengan fitrah manusia memandang peranan harta sebagai sesuatu keperluan asas mereka, di samping amalan ketaatan dan ibadah yang berkait dengannya. Ia tidak mungkin dapat dilaksanakan sesempurnanya tanpa ibadah zakat, wakaf, sedekah dan lain-lain. Pada



masa yang sama, harta juga adalah ujian kepada seseorang, seperti yang disebutkan di dalam ayat 28 Surah al-Anfal:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Bermaksud: *“Dan ketahuilah, bahawa hartamu dan anak-anakmu itu hanyalah sebagai ujian dan sesungguhnya di sisi Allah-lah pahala yang besar.”*

Ini kerana harta boleh menjadi sebab jauhnya seseorang hamba dari Tuhan disebabkan kelalaiannya dan ketamakannya mengumpulkan harta. Berjaya atau gagalanya seseorang dalam ujian hartanya bergantung kepada bagaimana dia memperolehinya serta membelanjakannya, adakah ia selari dengan syariat Islam ataupun tidak.

Kekayaan yang dimiliki oleh para sahabat Nabi SAW seperti Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Saidina Uthman bin ‘Affan dan Saidina Abdul Rahman bin ‘Auf tidak menjadi penghalang bagi mereka mendapat kemuliaan di dalam Islam, bahkan ketiga-tiga mereka merupakan antara 10 orang sahabat yang dijanjikan syurga oleh baginda SAW. Sebaliknya Qarun, dek kerana keangkuhan dan kesombongannya dengan harta yang dimiliki, dia dilaknat oleh Allah SWT. Maka, daripada dua contoh berlawanan yang dikemukakan ini, jelaslah bahawa baik buruk harta itu bukanlah terletak pada keping kertas mahupun logamnya, akan tetapi ia ditentukan oleh sikap pemilik terhadapnya.

Harta dan kekayaan, seperti mana kedudukan dan kekuasaan, kesemuanya akan ditinggalkan di dunia ini. Namun sekiranya harta dan kekayaan yang dimiliki dibelanjakan pada jalan kebaikan seperti wakaf, sedekah dan nafkah,



maka pahalanya akan berterusan dinikmati oleh pemiliknya walaupun selepas kematiannya. Dalam hal ini, Imam Muslim telah meriwayatkan hadith daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ
يَنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Bermaksud: “Jika manusia itu mati, maka akan putus amalannya kecuali dari tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaatnya dan anak soleh yang mendoakan orang tuanya.”

Berdasarkan hadith ini, dapat kita fahami bahawa harta menurut Islam bukan hanya dapat dinikmati hasilnya di dunia, bahkan ia juga dapat dijadikan pelaburan akhirat sekiranya ia dilaburkan pada jalan kebaikan dan ketaatan semasa di dunia. Bahkan lebih daripada itu Allah SWT yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang telah menjanjikan pulangan pelaburan berlipat kali ganda buat para dermawan dari kalangan hambaNya melalui firmanNya dalam Surah al-Baqarah ayat 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ
مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Bermaksud : “Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (Ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.”



Sesungguhnya penjagaan dan pengurusan harta bukan sahaja berkait dengan kepentingan seseorang atau sesebuah organisasi. Bahkan, ia adalah untuk kelestarian masyarakat dan negara. Sehubungan dengan itu, dalam usaha mencapai kehendak syariat Islam dalam penjagaan harta, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan Malaysia telah mengambil beberapa inisiatif berkenaan kewangan Islam, antaranya penubuhan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam (JKKI) yang mengumpulkan ilmuwan kewangan Islam tempatan, pemain utama industri kewangan dan agensi kawal selia kewangan yang bertujuan memperkasa segmen kewangan Islam di Malaysia bagi memastikan negara ini kekal sebagai peneraju kewangan Islam di peringkat global.

Pada masa yang sama, kerajaan juga sedar bahawa usaha pemerkasaan ini hanya akan berjaya sekiranya ia berakarkan kesedaran yang jitu dalam kalangan rakyat. Oleh itu, Kementerian Kewangan Malaysia melalui Pejabat Timbalan Menteri Kewangan telah mengambil langkah signifikan dan proaktif dengan merencanakan beberapa siri khutbah Jumaat bertemakan kewangan Islam bagi membawa topik ini ke tengah masyarakat umum agar ianya tidak hanya berlegar di ruang korporat dan akademik bahkan dapat difahami dan dirasai oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Sebagai penutup, beberapa kesimpulan dapat diambil sebagai renungan kita bersama:

Pertama: Harta dan kekayaan adalah asas kehidupan manusia.

Kedua: Patikan harta diperolehi melalui sumber yang halal dan suci dan dilabur serta dibelanjakan secara patuh syariah.



Ketiga: Belanjakanlah harta pada jalan ketaatan dan kebaikan serta amalkan perancangan kewangan yang baik dan berhemah.

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Isra'* ayat 29:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾

Bermaksud: "Dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu (bakhil) dan janganlah kamu terlalu menghulurkannya dengan sehabis-habisnya (boros) kerana itu kamu menjadi tercela dan menyesal".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.



أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَٰ أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا
سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانِ اكَوْغْ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايَسُورِي اكَوْغْ،
تُونَكُو (Tunku) حَاجَهُ عَزِيزَةً أَمِينَةً مَيْمُونَةً إِسْكَندَرِيَّةً بِنْتَ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى
اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .



اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

يا الله، جاديكنله كامى اورغ ۲ يڭ منديرىكن صلاة سچارا برجماعه دان منوناىكن زكاة
ملالوغي قوست قوڭوتن زكاة مجلس اكام اسلام ولايه فرسكوتوان سرتا رحمتيله كولوغن
يڭ منوناىكن زكاة. جاديكنله اوسها MAIWP دالم مڭاكيهكن زكاة دولايه فرسكوتوان
سباكاي ساتولغكه يڭ بركسن باكي ملقسن اصناف دري بلغكو كميسكىن.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.